

RINGKASAN LAPORAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI SARAWAK

51		26	Badan Berkanun Negeri
AGENSI NEGERI		25	Pihak Berkuasa Tempatan

STATUS PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2022

50 AGENSI	1 AGENSI	0 AGENSI
SEBELUM 30 APRIL	SELEPAS 30 APRIL	BELUM TERIMA

STATUS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2022

51	BILANGAN PENYATA KEWANGAN TELAH DITERIMA	51 Selesai Pensijilan
		0 Dalam Proses Pengauditan

PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

	2021	2022
Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion)	44	48
Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion)	7	3

PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

MPERS

27

Malaysian Private
Entities Reporting
Standard

PERAKAUNAN

ASAS TUNAI

24

Pekeliling Kewangan
Kementerian Alam Sekitar
dan Kesihatan Awam
(Perakaunan Asas Tunai)

ANALISIS PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2022

	PBT	BBN
	15 Agensi	16 Agensi
Lebihan Semasa	RM56.69 juta	RM439.35 juta
	10 Agensi	10 Agensi
Kurangan Semasa	RM17.42 juta	RM100.42 juta
	25 Agensi	26 Agensi
Jumlah Aset	RM1,379.81 juta	RM15,191.39 juta
	25 Agensi	26 Agensi
Jumlah Liabiliti	RM593.23 juta	RM7,873.02 juta


Nota: Analisis adalah berdasarkan penyata kewangan beraudit tahun 2022.




FOKUS UTAMA AUDIT (KEY AUDIT AREA)

PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

- 11 BBN telah membuat pelaburan dalam 79 syarikat subsidiari berjumlah RM1.327 bilion



- Dividen tahun 2022 – RM19.26 Juta




- SEDC mempunyai 29 syarikat subsidiari dan mempunyai pelaburan tertinggi berbanding 10 BBN yang lain



- Syor Audit

- Memantau prestasi pelaburan dalam syarikat subsidiari secara berkala
- Mendapatkan laporan daripada syarikat subsidiari tentang strategi dan kedudukan semasa pelaburan
- Membuat analisis dan penilaian terhadap prestasi anak syarikat bagi membantu membuat keputusan yang sewajarnya.

- Prestasi Kewangan 29 syarikat subsidiari SEDC tahun 2022




- Syarikat rugi bagi tempoh 3 tahun berturut-turut



- Rosot Nilai & Nilai Bawaan Syarikat Subsidiari



- Pinjaman, Amaun Terhutang & Imbuhan Ahli Lembaga



PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI SARAWAK

1. PENDAHULUAN

1.1. Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

1.2. Pada tahun 2023, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 51 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2022. Penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2022 terdiri daripada 26 BBN dan 25 PBT. BBN ditubuhkan mengikut The Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance 1995 serta Ordinan Tubuh BBN. PBT ditubuhkan di bawah The Local Authorities Ordinance, 1996.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata kewangan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkenaan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi penyata kewangan agensi negeri tahun 2022 yang dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2023. Pengauditan ini telah dilaksanakan berdasarkan piawaian pengauditan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan.

4. PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

4.1. Kesemua agensi perlu mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu sebelum atau pada 30 April 2023. Sekiranya penyata kewangan tidak dapat diserahkan pada tarikh yang ditetapkan, BBN boleh memohon secara bertulis kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk melanjutkan tempoh

penyerahan penyata kewangan selaras dengan Seksyen 5(1) The Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance 1995. Peraturan 38 The Local Authorities Financial Regulations, 1997 juga menyatakan PBT hendaklah memohon pelanjutan masa untuk mengemukakan penyata kewangan secara bertulis kepada kementerian/jabatan.

4.2. Setakat 31 Disember 2023, 51 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 untuk diaudit. Daripada 51 agensi tersebut, sebanyak 50 agensi dapat mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan. Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak telah mengemukakan penyata kewangan selepas tamat tempoh yang ditetapkan dengan kelulusan daripada MMKN. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis	21.03.2023
2.	Pustaka Negeri Sarawak	17.04.2023
3.	Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah	17.04.2023
4.	Lembaga Sungai-Sungai Sarawak	18.04.2023
5.	Lembaga Pelabuhan Miri	18.04.2023
6.	Majlis Penyelidikan dan Pembangunan Sarawak	20.04.2023
7.	Perbadanan Perhutanan Sarawak	20.04.2023
8.	Lembaga Amanah Yayasan Sarawak	20.04.2023
9.	Lembaga Air Kuching	20.04.2023
10.	Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman	20.04.2023
11.	Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah	25.04.2023
12.	Perbadanan Pembangunan Perumahan	26.04.2023
13.	Lembaga Air Sibul	26.04.2023
14.	Lembaga Pelabuhan Rajang	27.04.2023
15.	Lembaga Kemajuan Bintulu	27.04.2023
16.	Perbadanan Sukan Sarawak	27.04.2023
17.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke	27.04.2023
18.	Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak	27.04.2023
19.	Lembaga Pelabuhan Samalaju	27.04.2023
20.	Lembaga Pelabuhan Kuching	28.04.2023
21.	Lembaga Pelancongan Sarawak	28.04.2023
22.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	28.04.2023
23.	Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar	28.04.2023
24.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	28.04.2023
25.	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak	28.04.2023

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
26.	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak	27.06.2023
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Daerah Simunjan	17.01.2023
2.	Majlis Daerah Luar Bandar Sibu	20.01.2023
3.	Majlis Daerah Lawas	10.02.2023
4.	Majlis Daerah Kanowit	24.02.2023
5.	Majlis Daerah Matu dan Daro	24.02.2023
6.	Majlis Daerah Limbang	03.03.2023
7.	Majlis Daerah Maradong dan Julau	10.03.2023
8.	Majlis Daerah Serian	21.03.2023
9.	Majlis Daerah Marudi	24.03.2023
10.	Majlis Daerah Sarikei	03.04.2023
11.	Majlis Perbandaran Kota Samarahan	04.04.2023
12.	Majlis Perbandaran Padawan	10.04.2023
13.	Majlis Perbandaran Sibu	10.04.2023
14.	Majlis Daerah Lubok Antu	17.04.2023
15.	Majlis Daerah Sri Aman	18.04.2023
16.	Majlis Daerah Dalat dan Mukah	18.04.2023
17.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	18.04.2023
18.	Majlis Daerah Lundu	18.04.2023
19.	Majlis Daerah Kapit	20.04.2023
20.	Majlis Bandaraya Miri	20.04.2023
21.	Majlis Daerah Bau	20.04.2023
22.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan	20.04.2023
23.	Majlis Daerah Subis	20.04.2023
24.	Majlis Daerah Saratok	26.04.2023
25.	Majlis Daerah Betong	27.04.2023

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.3. Bagi penyata kewangan tahun 2023, sebanyak 51 agensi telah mengemukakan penyata kewangan kepada Jabatan Audit Negara setakat 31 Julai 2024. Penyata kewangan tahun 2023 telah diterima daripada 25 BBN dan 25 PBT dalam tempoh yang ditetapkan. Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak telah mengemukakan penyata kewangan selepas tamat tempoh yang ditetapkan dengan kelulusan daripada MMKN.

5. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

5.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian

perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.2. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS).

5.2. Bagi Negeri Sarawak, Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dahulunya dikenali sebagai Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam] telah mengeluarkan Pekeliling Kewangan Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam (Perakaunan Asas Tunai) yang diguna pakai oleh 24 PBT di bawah kementerian ini. Pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi bagi tahun kewangan 2022 seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN
OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2022

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)	27
2.	Pekeliling Kewangan Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam (Perakaunan Asas Tunai)	24
JUMLAH		51

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

6. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan ISSAI yang menetapkan dua jenis pendapat audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion) dan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion).

6.1. Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Pendapat Diubahsuai pula diberikan apabila berlaku salah nyata material yang menyebabkan penyata kewangan tidak menunjukkan gambaran yang benar dan saksama. Terdapat tiga kategori pendapat diubahsuai yang boleh dikeluarkan, iaitu Sijil Berteguran, Bertentangan dan Penafian Pendapat. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENDAPAT AUDIT DALAM SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

PENDAPAT AUDIT	PENJELASAN
Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion)	
Pendapat Tanpa Teguran	Penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama. Penyediaan penyata kewangan adalah selaras dengan piawaian perakaunan.
Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara	Penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama. Bagaimanapun, terdapat perkara penting berkaitan penyata kewangan yang perlu dilaporkan untuk kefahaman pengguna.
Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain	Perkara lain berkaitan tatakelola dan tadbir urus yang penting.
Pendapat Tanpa Teguran Dengan Perenggan Perkara Utama Audit	Meliputi isu signifikan dalam tahun semasa yang telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus.
Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion)	
Pendapat Berteguran	Penyata kewangan mempunyai salah nyata yang material tetapi tidak menyeluruh. Penyediaan sebahagian penyata kewangan tidak selaras dengan piawaian perakaunan.
Pendapat Bertentangan	Penyata kewangan mempunyai salah nyata yang material dan menyeluruh. Penyediaan penyata kewangan tidak selaras dengan piawaian perakaunan.
Penafian Pendapat	Penyata kewangan tidak disokong dengan bukti yang mencukupi menyebabkan berlaku ketidakpastian yang material dan menyeluruh.

Sumber: Jabatan Audit Negara

6.2. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat audit yang diberikan bagi tahun 2018 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI
PENYATA KEWANGAN AGENSI DARI TAHUN 2018 HINGGA 2022

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN (Bil. Penyata Kewangan)				
		2018	2019	2020	2021	2022
1.	Pendapat Tanpa Teguran	45	43	46	36	43
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara	6	7	1	1	-
3.	Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Perkara Utama Audit	-	-	-	-	-
4.	Pendapat Tanpa Teguran dengan Hal-hal Lain	-	-	2	7	5
5.	Pendapat Berteguran	-	1	2	7	3
6.	Pendapat Bertentangan	-	-	-	-	-
7.	Penafian Pendapat	-	-	-	-	-
JUMLAH		51	51	51	51	51

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018 hingga 2022


6.3. Bagi penyata kewangan tahun 2023, sebanyak 51 penyata kewangan masih dalam proses pengauditan dan pensijilan setakat 31 Julai 2024.

6.4. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2022

6.4.1. Setakat 31 Disember 2023, 51 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah selesai diaudit dan disahkan. Status Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan terhadap 51 penyata kewangan tersebut ialah 43 agensi negeri diberikan Pendapat Tanpa Teguran; lima agensi diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain; dan tiga agensi diberikan Pendapat Berteguran.

6.4.2. Sebanyak tiga agensi diberikan Pendapat Diubahsuai bagi empat perkara iaitu Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis (Hartanah, Loji dan Peralatan), Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (Penghutang Jangka Panjang dan Percukaian) dan Perbadanan Pembangunan Perumahan (Penyata Pendapatan Komprehensif). Butiran adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
PERKARA YANG DILAPORKAN DALAM PENDAPAT
DIUBAHSUAI BAGI PENYATA KEWANGAN TAHUN 2022



Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2022

7. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

7.1. Seksyen 8 The Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance 1995 menetapkan penyata kewangan BBN yang telah diaudit hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan seberapa segera. Seksyen 58 The Local

Authorities Ordinance 1996 pula menyatakan semua penyata kewangan PBT yang telah diaudit hendaklah diluluskan oleh MMKN dan dibentangkan dalam DUN.

7.2. Sebanyak 45 agensi telah membentangkan penyata kewangan tahun 2022 yang telah disahkan dalam DUN. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2022 YANG TELAH
DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 JULAI 2024

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	21.11.2023
2.	Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah	
3.	Perbadanan Perhutanan Sarawak	
4.	Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak	
5.	Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak	
6.	Lembaga Amanah Yayasan Sarawak	06.05.2024
7.	Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman	
8.	Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah	
9.	Lembaga Kemajuan Bintulu	
10.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	
11.	Pustaka Negeri Sarawak	
12.	Lembaga Pelabuhan Kuching	
13.	Lembaga Pelabuhan Rajang	
14.	Lembaga Pelabuhan Miri	
15.	Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis	
16.	Lembaga Pelabuhan Samalaju	
17.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke	
18.	Perbadanan Sukan Sarawak	
19.	Lembaga Sungai-Sungai Sarawak	
20.	Lembaga Air Kuching	
21.	Lembaga Air Sibu	
22.	Majlis Penyelidikan dan Pembangunan Sarawak	
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
23.	Majlis Bandaraya Miri	06.05.2024
24.	Majlis Perbandaran Sibu	
25.	Majlis Perbandaran Padawan	

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
26.	Majlis Perbandaran Kota Samarahan	
27.	Majlis Daerah Sri Aman	
28.	Majlis Daerah Limbang	
29.	Majlis Daerah Sarikei	
30.	Majlis Daerah Kapit	
31.	Majlis Daerah Dalat dan Mukah	
32.	Majlis Daerah Betong	
33.	Majlis Daerah Luar Bandar Sibu	
34.	Majlis Daerah Matu dan Daro	
35.	Majlis Daerah Marudi	
36.	Majlis Daerah Saratok	
37.	Majlis Daerah Serian	
38.	Majlis Daerah Simunjan	
39.	Majlis Daerah Bau	
40.	Majlis Daerah Kanowit	
41.	Majlis Daerah Lawas	
42.	Majlis Daerah Lubok Antu	
43.	Majlis Daerah Lundu	
44.	Majlis Daerah Maradong dan Julau	
45.	Majlis Daerah Subis	

Sumber: Rekod Dewan Undangan Negeri Sarawak Setakat 31 Julai 2024

8. ANALISIS PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2022

Analisis prestasi kewangan merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan, aset dan liabiliti bagi agensi. Analisis prestasi kewangan agensi disediakan berdasarkan kepada 51 penyata kewangan agensi bagi tahun 2022 yang telah disijilkan.

8.1. Analisis Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri

8.1.1. Pada tahun berakhir 31 Disember 2022, lebihan pendapatan terkumpul meningkat sejumlah RM497.29 juta (9.9%). Jumlah aset juga meningkat sejumlah RM674.61 juta (4.6%). Aset bersih semasa meningkat sejumlah RM490.08 juta (14.8%) berbanding tahun 2021. Lebihan pendapatan semasa telah meningkat

sejumlah RM336.37 juta (13,139.5%) kepada RM338.93 juta pada tahun 2022 berbanding lebih RM2.56 juta pada tahun 2021. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 DAN 31 DISEMBER 2022

BIL.	PERKARA	TAHUN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Lebih Pendapatan Berkumpul	5,041.23	5,538.52	497.29	9.9
2.	Jumlah Aset	14,516.78	15,191.39	674.61	4.6
3.	Aset Bersih Semasa	3,304.42	3,794.50	490.08	14.8
4.	Lebih Pendapatan Semasa	2.56	338.93	336.37	13,139.5

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2021 dan 2022

8.1.2. Pada tahun berakhir 31 Disember 2022, 16 BBN mencatatkan Lebih Pendapatan Semasa berjumlah RM439.35 juta manakala 10 BBN mencatatkan Kurangan Semasa berjumlah RM100.42 juta. Lembaga Amanah Yayasan Sarawak memperoleh lebih pendapatan tertinggi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 yang berjumlah RM345.53 juta manakala Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke merekodkan kurangan semasa tertinggi pada tahun berakhir 31 Disember 2022 iaitu berjumlah RM32.30 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN
NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

BIL.	BBN	PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2022		
		HASIL (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	LEBIHAN/ KURANGAN (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET/ LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Lembaga Amanah Yayasan Sarawak	534.12	188.59	345.53	915.46	43.16	872.30
2.	Lembaga Pelabuhan Kuching	89.79	69.15	20.64	133.81	12.53	121.28
3.	Lembaga Air Kuching	175.85	159.62	16.23	195.22	68.86	126.36
4.	Perbadanan Pembangunan Perumahan	317.88	305.80	12.08	820.91	737.22	83.69
5.	Lembaga Pelabuhan Rajang	36.78	27.55	9.23	23.71	1.84	21.87
6.	Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah	12.42	3.48	8.94	270.06	177.19	92.87
7.	Perbadanan Perhutanan Sarawak	67.22	59.66	7.56	43.31	20.88	22.43
8.	Lembaga Kemajuan Bintulu	211.84	206.41	5.43	1,310.96	45.81	1,265.15
9.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	103.66	100.19	3.47	292.01	182.39	109.62
10.	Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah	611.75	608.34	3.41	592.00	503.79	88.21
11.	Lembaga Pelabuhan Samalaju	5.47	2.35	3.12	23.22	0.10	23.12


BIL.	BBN	PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2022		
		HASIL (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	LEBIHAN/ KURANGAN (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET/ LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)
12.	Lembaga Pelabuhan Miri	26.36	24.57	1.79	41.84	90.67	(48.83)
13.	Majlis Penyelidikan dan Pembangunan Sarawak	10.67	9.96	0.71	71.54	0.69	70.85
14.	Lembaga Pelancongan Sarawak	32.13	31.46	0.67	52.56	7.09	45.47
15.	Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman	6.07	5.66	0.41	8.62	0.87	7.75
16.	Lembaga Sungai-Sungai Sarawak	32.16	32.03	0.13	25.69	6.96	18.73
17.	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak	10.59	12.23	(1.64)	237.82	215.12	22.70
18.	Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak	27.81	29.74	(1.93)	14.21	4.12	10.09
19.	Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak	13.37	16.17	(2.80)	23.16	15.11	8.05
20.	Pustaka Negeri Sarawak	36.08	39.70	(3.62)	106.19	115.91	(9.72)
21.	Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis	4.08	10.74	(6.66)	11.35	12.38	(1.03)
22.	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak	480.06	487.39	(7.33)	252.74	266.24	(13.50)
23.	Lembaga Air Sibu	42.12	49.80	(7.68)	50.49	54.55	(4.06)
24.	Perbadanan Sukan Sarawak	48.84	62.87	(14.03)	25.46	21.13	4.33
25.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	50.11	72.54	(22.43)	1,850.80	1,005.46	845.34
26.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke	267.72	300.02	(32.30)	104.57	93.14	11.43
JUMLAH		3,254.95	2,916.02	338.93	7,497.71	3,703.21	3,794.50

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2022

8.1.3. Analisis Aset dan Liabiliti

8.1.3.1. Pada tahun 2022, kedudukan aset bagi 26 BBN berjumlah RM15,191.39 juta. Jumlah ini telah meningkat RM674.61 juta (4.6%) berbanding kedudukan aset tahun 2021 yang berjumlah RM14,516.78 juta. Kedudukan liabiliti pada tahun 2022 bagi 26 BBN berjumlah RM7,873.02 juta meningkat RM259.86 juta (3.4%) berbanding tahun 2021 berjumlah RM7,613.16 juta. Butiran adalah seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
KEDUDUKAN ASET DAN LIABILITI
BADAN BERKANUN NEGERI TAHUN 2022 BERBANDING 2021



Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2022

8.1.3.2. Analisis Audit terhadap perbandingan antara aset dan liabiliti mendapati 24 BBN mempunyai jumlah aset lebih tinggi berbanding jumlah liabiliti manakala dua BBN menunjukkan jumlah liabiliti yang lebih tinggi berbanding jumlah aset. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
BADAN BERKANUN NEGERI YANG MEMPUNYAI
JUMLAH LIABILITI MELEBIHI JUMLAH ASET

BIL.	BBN	JUMLAH ASET (a) (RM Juta)	JUMLAH LIABILITI (b) (RM Juta)	LIABILITI MELEBIHI ASET (a-b) (RM Juta)	PENJELASAN
1.	Lembaga Air Sibu	244.70	282.07	(37.37)	Agensi bergantung kepada pinjaman dari Kerajaan untuk operasinya.
2.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke	208.66	326.30	(117.64)	Agensi bergantung kepada pinjaman dan <i>Convertible Loans</i> untuk operasinya.

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2022

8.1.4. Analisis Pelaburan

Pada 31 Disember 2022, jumlah pelaburan bagi 15 BBN adalah sejumlah RM2,568.43 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan lain-lain pelaburan. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan telah meningkat sejumlah RM67.81 juta (2.7%) berbanding RM2,500.62 juta pada 31 Disember 2021. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
KEDUDUKAN PELABURAN BADAN BERKANUN
NEGERI PADA 31 DISEMBER 2021 DAN 31 DISEMBER 2022

BIL.	BBN	SYARIKAT SUBSIDIARI (RM Juta)		SYARIKAT BERSEKUTU (RM Juta)		LAIN-LAIN (RM Juta)		JUMLAH (RM Juta)	
		2021	2022	2021	2022	2021	2022	2021	2022
1.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	476.59	478.99	44.35	44.35	166.90	142.15	687.84	665.49
2.	Lembaga Amanah Yayasan Sarawak	151.65	155.29	43.80	104.95	255.19	317.34	450.64	577.58
3.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	239.02	233.74	88.98	88.98	67.63	69.01	395.63	391.73
4.	Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah	365.44	365.44	0	0	0	0	365.44	365.44
5.	Lembaga Air Kuching	0	0	0	0	271.93	195.46	271.93	195.46
6.	Lembaga Kemajuan Bintulu	40.83	40.83	3.95	3.95	81.87	122.22	126.65	167.00
7.	Lembaga Pelabuhan Rajang	0	0	0	0	68.33	73.19	68.33	73.19
8.	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak	48.35	48.35	0	0	12.42	12.63	60.77	60.98
9.	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak	0	0	0	0	42.85	41.82	42.85	41.82
10.	Perbadanan Pembangunan Perumahan	2.60	2.10	12.24	12.24	0	0	14.84	14.34
11.	Lembaga Pelancongan Sarawak	0.20	0.20	0	0	12.60	12.60	12.80	12.80
12.	Perbadanan Perhutanan Sarawak	2.50	2.50	0	0	0	0	2.50	2.50
13.	Lembaga Pelabuhan Kuching	0.10	0.10	0	0	0	0	0.10	0.10
14.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke	0.30	0	0	0	0	0	0.30	0
15.	Majlis Penyelidikan dan Pembangunan Sarawak	0	0*	0	0	0	0	0	0
JUMLAH		1,327.58	1,327.54	193.32	254.47	979.72	986.42	2,500.62	2,568.43

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2021 dan 2022

Nota: (*) - Amaun Pelaburan adalah berjumlah RM4,050

8.2. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

8.2.1. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2022, secara keseluruhannya prestasi penyata kewangan mendapati 15 daripada 25 PBT telah mencatatkan lebihan sejumlah RM56.69 juta berbanding tahun sebelumnya di mana 21 PBT mencatatkan lebihan sejumlah RM84.74 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Manakala 10 daripada 25 PBT pula mencatatkan kurangan bagi tahun 2022 berbanding empat PBT pada tahun 2021. Prestasi kewangan Majlis Bandaraya Kuching Selatan mencatatkan lebihan paling tinggi sejumlah RM24.08 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 daripada lebihan sejumlah RM22.74 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 iaitu peningkatan sejumlah RM1.34 juta (5.9%). Butiran adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PRESTASI KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
BAGI TAHUN 2022 DAN 2021

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TAHUN 2022			TAHUN 2021		
		PENERIMAAN (RM Juta)	PEMBAYARAN (RM Juta)	LEBIHAN/ (KURANGAN) (RM Juta)	PENERIMAAN (RM Juta)	PEMBAYARAN (RM Juta)	LEBIHAN/ (KURANGAN) (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan	105.51	81.43	24.08	95.97	73.23	22.74
2.	Majlis Perbandaran Padawan	56.33	43.89	12.44	53.71	45.01	8.70
3.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	134.12	124.20	9.92	129.87	116.74	13.13
4.	Majlis Daerah Limbang	9.68	7.62	2.06	9.61	7.27	2.34
5.	Majlis Daerah Lubok Antu	5.87	4.36	1.51	5.30	4.36	0.94
6.	Majlis Perbandaran Kota Samarahan	22.92	21.54	1.38	22.28	20.70	1.58
7.	Majlis Daerah Betong	9.80	8.66	1.14	10.29	8.28	2.01
8.	Majlis Daerah Kanowit	6.09	5.24	0.85	5.67	5.24	0.43
9.	Majlis Daerah Sri Aman	10.74	9.96	0.78	9.88	9.27	0.61
10.	Majlis Daerah Kapit	12.21	11.49	0.72	11.42	10.67	0.75
11.	Majlis Daerah Maradong dan Julau	7.36	6.66	0.70	12.68	6.29	6.39
12.	Majlis Daerah Simunjan	7.11	6.62	0.49	5.61	6.68	(1.07)
13.	Majlis Daerah Dalat dan Mukah	11.80	11.36	0.44	11.55	11.40	0.15
14.	Majlis Daerah Lawas	6.88	6.75	0.13	7.45	5.97	1.48
15.	Majlis Daerah Saratok	6.58	6.53	0.05	6.08	5.86	0.22
16.	Majlis Daerah Sarikei	12.71	12.77	(0.06)	13.00	11.61	1.39
17.	Majlis Daerah Subis	8.27	8.37	(0.10)	7.41	6.37	1.04
18.	Majlis Daerah Matu & Daro	8.73	9.16	(0.43)	8.20	7.91	0.29
19.	Majlis Daerah Marudi	7.93	8.42	(0.49)	7.19	7.19	-
20.	Majlis Daerah Lundu	6.78	7.85	(1.07)	5.85	7.14	(1.29)
21.	Majlis Daerah Bau	7.88	9.07	(1.19)	7.30	8.48	(1.18)
22.	Majlis Daerah Luar Bandar Sibu	12.22	13.95	(1.73)	12.10	11.87	0.23
23.	Majlis Daerah Serian	12.72	15.14	(2.42)	12.18	15.13	(2.95)
24.	Majlis Perbandaran Sibu	70.89	75.52	(4.63)	80.15	66.76	13.39
25.	Majlis Bandaraya Miri	90.49	95.79	(5.30)	92.43	85.50	6.93
JUMLAH		651.62	612.35	39.27	643.18	564.93	78.25

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2022

8.2.2. Harta/Tanggungan Semasa Bersih

Pada 31 Disember 2022, harta/tanggungan semasa bersih bagi kesemua PBT adalah berjumlah RM786.58 juta iaitu meningkat sejumlah RM48.23 juta (6.5%) berbanding pada 31 Disember 2021. Sebanyak 16 PBT mencatatkan peningkatan

dalam harta semasa bersih manakala sembilan PBT lagi mencatatkan tanggungan semasa bersih pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
HARTA/TANGGUNGAN SEMASA BERSIH PIHAK BERKUASA
TEMPATAN DI NEGERI SARAWAK PADA 31 DISEMBER 2021 DAN 2022

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TAHUN 2022			TAHUN 2021		
		HARTA (RM Juta)	TANGGUNGAN (RM Juta)	HARTA/TANGGUNGAN SEMASA BERSIH (RM Juta)	HARTA (RM Juta)	TANGGUNGAN (RM Juta)	HARTA/TANGGUNGAN SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan	287.36	23.00	264.36	267.13	28.31	238.82
2.	Majlis Perbandaran Padawan	123.89	41.59	82.30	107.81	38.53	69.28
3.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	344.39	220.70	123.69	373.82	259.57	114.25
4.	Majlis Daerah Limbang	38.51	31.71	6.80	30.26	25.58	4.68
5.	Majlis Daerah Lubok Antu	13.26	2.27	10.99	12.08	2.68	9.40
6.	Majlis Perbandaran Kota Samarahan	32.16	10.75	21.41	27.36	7.54	19.82
7.	Majlis Daerah Betong	22.16	16.00	6.16	24.70	19.74	4.96
8.	Majlis Daerah Kanowit	8.89	5.78	3.11	5.98	3.76	2.22
9.	Majlis Daerah Sri Aman	5.58	7.41	(1.83)	7.52	10.18	(2.66)
10.	Majlis Daerah Kapit	17.80	16.01	1.79	16.95	15.94	1.01
11.	Majlis Daerah Maradong dan Julau	9.31	4.25	5.06	9.84	5.54	4.30
12.	Majlis Daerah Dalat dan Mukah	14.83	13.24	1.59	15.76	14.81	0.95
13.	Majlis Daerah Simunjan	9.40	8.71	0.69	12.51	12.35	0.16
14.	Majlis Daerah Saratok	32.45	1.92	30.53	32.52	2.51	30.01
15.	Majlis Daerah Lawas	21.81	13.82	7.99	19.75	11.93	7.82
16.	Majlis Daerah Sarikei	32.79	7.74	25.05	30.96	5.98	24.98
17.	Majlis Daerah Subis	30.16	17.24	12.92	35.44	22.50	12.94
18.	Majlis Daerah Matu & Daro	11.28	7.29	3.99	14.98	10.61	4.37
19.	Majlis Daerah Marudi	20.46	16.31	4.15	23.65	19.10	4.55
20.	Majlis Bandaraya Miri	131.44	52.39	79.05	121.96	41.98	79.98
21.	Majlis Daerah Lundu	21.40	14.41	6.99	21.65	13.68	7.97
22.	Majlis Daerah Bau	29.47	5.70	23.77	32.21	7.36	24.85
23.	Majlis Daerah Luar Bandar Sibu	24.34	6.80	17.54	24.23	5.35	18.88
24.	Majlis Daerah Serian	15.10	17.05	(1.95)	15.44	15.16	0.28
25.	Majlis Perbandaran Sibu	81.57	31.14	50.43	85.72	31.19	54.53
JUMLAH		1,379.81	593.23	786.58	1,370.23	631.88	738.35

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2021 dan 2022

8.2.3. Kutipan Cukai Taksiran dan Tunggakan Hasil Taksiran

8.2.3.1. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut kuasa The Local Authorities Ordinance, 1996. Cukai taksiran merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Cukai taksiran dikenakan atas pegangan seperti rumah kediaman, harta perdagangan (kedai, kilang, hotel dan sebagainya), harta industri (kilang dan sebagainya) dan tanah. Harta perdagangan yang dikenakan cukai taksiran adalah seperti kedai, kilang, hotel dan sebagainya yang beroperasi di kawasan PBT. Pada tahun 2022, kutipan cukai taksiran bagi 25 PBT yang telah disahkan adalah berjumlah RM232.83 juta, iaitu meningkat sebanyak RM18.88 juta (8.8%) berbanding RM213.95 juta pada tahun 2021. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	PBT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	(RM Juta)	%
1.	Majlis Bandaraya Miri	48.31	40.30	8.01	19.9
2.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan	52.29	49.72	2.57	5.2
3.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	38.25	35.72	2.53	7.1
4.	Majlis Perbandaran Sibu	35.62	33.78	1.84	5.4
5.	Majlis Perbandaran Kota Samarahan	7.44	6.44	1.00	15.5
6.	Majlis Perbandaran Padawan	21.10	20.27	0.83	4.1
